

KWAN LOONG® MINYAK ANGIN

Methyl Salicylate/ Eucalyptus Oil/ Menthol/ Camphor (21% w/w /15% w/w /14% w/w /10% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kwan Loong Minyak Angin
2. Bagaimana Kwan Loong Minyak Angin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Kwan Loong Minyak Angin
4. Cara menggunakan Kwan Loong Minyak Angin
5. Semasa menggunakan Kwan Loong Minyak Angin
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan & Pelupusan Kwan Loong Minyak Angin
8. Maklumat Lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Kwan Loong Minyak Angin

Memberi kelegaan sementara yang berkaitan kesakitan ringan dan sakit pada otot dan sendi berkaitan dengan arthritis, terseliuh dan lebam.

Bagaimana Kwan Loong Minyak Angin berfungsi

Kwan Loong Minyak Angin mempunyai kesan dingin kepanasan ringan dan kesan analgesik. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasai pada mulanya diikuti dengan rasa hangat.

Sebelum menggunakan Kwan Loong Minyak Angin

- Bila tidak boleh menggunakannya
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap mana-mana bahan ubat itu.

- Sebelum mula menggunakan

Ia boleh menyebabkan tindak balas alergi kepada sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Sebelum menggunakan, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Bagi individu yang mengambil warfarin (ubat untuk cair darah) lain, sila gunakan di bawah arahan doktor untuk mengelakkan penggunaan yang berlebihan pada kulit yang boleh membawa kepada potensi pendarahan yang disebabkan oleh kesan warfarin.

Cara menggunakan Kwan Loong Minyak Angin

- Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

- Bila perlu digunakan

Gunakan untuk memberi kelegaan sementara yang berkaitan kesakitan ringan dan sakit pada otot dan sendi berkaitan dengan arthritis, terseliuh dan lebam.

- Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 3 hingga 4 kali sehari.

- Jika terlupa menggunakan

Runding dengan doktor mengenai apa yang perlu anda lakukan. Anda mungkin akan terus mengalami symptom kesakitan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau seseorang yang terlebih menggunakan ubat ini secara berlebihan atau tertelan secara tidak sengaja, berunding dengan doktor secepat mungkin atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berdekatan. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda

ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan lanjut.

Semasa menggunakan Kwan Loong Minyak Angin

- Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya.

- Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapukan pada luka terbuka atau kulit yang mengalami iritasi.
- Jangan dibalut dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah 2 tahun.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Langkah berhati – hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak dibawah 12 tahun.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung.
- Berhenti menggunakan jika berlaku iritasi yang pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhkan dari kanak-kanak.

Kesan-kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my>

(Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Kwan Loong Minyak Angin*

- *Penyimpanan*

Ia adalah disyorkan untuk menyimpan jauh dari cahaya matahari dibawah suhu 30°C. Untuk digunakan dalam jangka masa 5 tahun dari tarikh pembuatan.

- *Pelupusan*

Ubat tidak boleh dilupuskan kesaluran air. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak digunakan lagi.

Maklumat Lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Minyak angin berwarna jernih kekuningan dengan ciri bau Menthol dan Methyl Salicylate.

- *Bahan-bahan kandungan*

Bahan aktif:
Methyl Salicylate, Eucalyptus Oil,
Menthol, Camphor.

Bahan tidak aktif:

Light Liquid Paraffin, Spike
Lavender Oil.

- *Nombor MAL*

MAL19921239X

**Pengilang dan Pemegang
Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,
Tebrau Industrial Estate,
81100 Johor Bahru, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

09/03/2018

Nombor siri

NPRA (RA/1)060218/00036